



KENYATAAN MEDIA
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR
YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU
JAAFAR

STATUS JEREBU DALAM NEGARA
30 OGOS 2016 (SELASA)

Hujan yang berlaku semenjak pagi tadi di beberapa kawasan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia sedikit sebanyak telah membantu mengurangkan keadaan berjerebu teruk yang dialami semalam.

Sehingga jam 11 pagi, sebanyak 25 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) pada tahap 'baik', sebanyak 22 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'sederhana' dan sebanyak 2 kawasan mencatatkan bacaan IPU pada tahap 'tidak sihat'. **Bacaan IPU pada tahap “tidak sihat” adalah di Shah Alam, Selangor (IPU 103) dan Nilai, Negeri Sembilan (IPU 112).** Untuk rekod, bacaan IPU tertinggi setakat ini direkodkan di Nilai, Negeri Sembilan iaitu 123 pada jam 6 pagi dan 7 pagi tadi.

Berdasarkan laporan oleh *ASEAN Specialised Meteorological Centre (ASMC)* yang berpusat di Singapura pada 29 Ogos 2016, sebanyak 1 titik panas (hotspot) yang dikesan di Sumatera, Indonesia, manakala sebanyak 15 titik panas (hotspot) dikesan di Kalimantan. Bilangan sebenar titik panas (hotspot) di Sumatera tidak dapat ditentukan kerana terdapat litupan awan. Sementara itu, dalam negara pula, sebanyak 3 titik panas (hotspot) dikesan iaitu di negeri Sabah (Kudat dan Pedalaman) dan 1 titik panas (hotspot) di kesian di negeri Sarawak (Miri). Lokasi titik-titik panas (hotspot) dalam negara sedang disiasat dan diambil tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya. Peta Jerebu Serantau yang dikeluarkan oleh pihak *ASMC* pada 29 Ogos 2016 menunjukkan **terdapat lingkaran asap jerebu sederhana dari kawasan-kawasan kebakaran di Sumatera Tengah menyelubungi kawasan tengah Pantai Barat Semenanjung (seperti di Rajah 1).**

Semasa berlaku jerebu, jarak penglihatan (visibility) lazimnya akan berkurangan di bawah 10 kilometer. Jarak penglihatan (visibility) diukur setiap jam dan merupakan data cerapan yang semasa. Oleh itu, semasa berlaku jerebu, orang ramai boleh terus melihat kesan yang serta-merta iaitu pengurangan jarak penglihatan (visibility). Sebaliknya, bagi bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) yang memaklumkan orang ramai mengenai status kualiti udara, kesannya hanya dapat dilihat selepas tempoh beberapa jam jerebu mula dikesan. Ini adalah kerana bacaan IPU dikira dengan mempuratakan bacaan kepekatan habuk halus, PM10 untuk tempoh 24 jam sebelumnya.

Sebagai contoh, pengukuran pada jam 8.00 pagi ini mengambil kira kepekatan purata pencemar PM10 dari jam 8.00 pagi sehari sebelumnya. Faktor ini menyebabkan bacaan IPU tidak sepadan dengan jarak penglihatan (visibility) yang rendah. Jerebu juga akan bertambah

teruk apabila adanya paras wap air di udara yang tinggi mengelilingi habuk halus ini yang menyebabkan jarak penglihatan menjadi bertambah buruk. Selain itu, jarak penglihatan (visibility) dan bacaan IPU mempunyai kegunaan yang berbeza. Jarak penglihatan (visibility) digunakan sebagai panduan untuk keselamatan penerbangan dan pelayaran, manakala bacaan IPU digunakan sebagai indikator status kualiti udara dengan mengambilkira kesan pendedahan pencemar udara kepada kesihatan manusia.

Dalam pada itu, Jabatan Alam Sekitar (JAS) masih memantau rapi status kualiti udara di seluruh negara berikutan kejadian jerebu masih tidak menentu. Titik-titik panas (hotspots) di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia yang masih aktif boleh menyebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan berterusan ke Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan ke negeri Sarawak.

Mekanisme tindak balas (response mechanism) semasa berlakunya jerebu adalah mengikut Pelan Tindakan Jerebu Kebangsaan. Pelan ini menggariskan tindakan-tindakan yang perlu dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat bagi menghadapi episod jerebu mengikut peringkat dan tahap berjaga-jaga dengan berpandukan bacaan IPU mengikut tempoh masa tertentu. Selaras dengan Pelan tersebut, tindakan-tindakan berikut telah diambil oleh agensi yang terlibat iaitu:-

- (i) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengaktifkan **Jawatankuasa Induk Jerebu dan Cuaca Kering Kebangsaan** pada 29 Ogos 2016; dan
- (ii) Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) telah mengaktifkan **Jawatankuasa Kerja Menangani Situasi Jerebu** pada 19 Ogos 2016.

Di peringkat serantau, YB Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengutus surat kepada Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia pada 22 Ogos 2016 untuk melahirkan kebimbangan Malaysia tentang isu jerebu rentas sempadan akibat kebakaran tanah dan hutan di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia. **Melalui surat tersebut, gesaan juga telah dibuat supaya Kerajaan Indonesia mempertingkatkan tindakan pencegahan dan pemadaman kebakaran supaya pencemaran jerebu yang berlaku kini dapat dihentikan segera.**

Untuk tidak memburukkan keadaan berjerebu, semua pihak terus diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu atau dengan tidak sengaja.


Menurut Seksyen 29(A), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, mereka yang disabitkan dengan kesalahan melakukan pembakaran terbuka boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Kompaun maksimum sebanyak RM2000 juga boleh dikenakan atas setiap kesalahan.

Orang ramai juga diminta bekerjasama untuk memadam kebakaran-kebakaran kecil dan juga melaporkan kes-kes pembakaran terbuka atau kebakaran kepada Jabatan Perkhidmatan Bomba dan Penyelamat di talian **999** dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di talian bebas tol, **1-800-88-2727**.

Bacaan IPU terkini setiap jam boleh dirujuk di laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) di alamat url, <http://apims.doe.gov.my/v2/> atau dengan memuat turun aplikasi telefon pintar rasmi MyIPU di 'Google Play'.

PETA JEREBU SERANTAU, 29 OGOS 2016

(Sumber : ASEAN Specialised Meteorological Centre, Singapura)



Regional Haze Update

The showers over parts of central Sumatra today have helped to reduce the extent of the haze there. Some smoke haze was still observed over the Strait of Malacca. The low number of hotspot in Sumatra was due to cloud cover. In West Kalimantan, isolated hotspots with localised smoke plumes were observed. Wet weather conditions are persisting in the northern ASEAN region. Over the next few days, the prevailing winds in the region are expected to strengthen and blow mainly from the southeast or southwest. Updated 5:33 PM 29 Aug